itu kepada dirinya sendiri, kepada saudara-saudaranya dan isi rumahnya kemudian kepada masyarakatnya.

Tanggungjawab ini, saudara-saudara anggota *Ikhwān,* adalah besar dan berat tetapi janganlah kerana keberatan itu saudara-saudara akan undur tetapi laksanakanlah dan jalankanlah dengan berdikit-dikit dengan kadar dan daya upaya masing-masing supaya dengan perlahan-perlahan nanti apabila sudah ada keyakinan bersama dapatlah hendaknya kita melaksanakan yang dikehendaki dan apa yang dituntut oleh Tuhan dan dapatlah kita nanti di hadapan Tuhan melepaskan tanggungjawab kita dengan apa yang telah kita buat sekadar daya upaya kita dengan hati yang bersih dan tulus ikhlas dan insya-Allah Tuhan akan mengetahui ketulusan dan keikhlasan saudara. Di sebalik itu kami suka mengumumkan bahawa Alḥamdulillah di dalam bulan baik hari baik itu pentadbiran *Ikhwān* di Singapura telah diluluskan oleh kerajaan, ertinya daripada saat ini adalah lebih mudah bagi kita bergerak dengan tidak mendapat usungan dan fitnah dari setengah-setengah golongan- bukan dari golongan orang lain- tetapi golongan Islam yang tidak gemar *Ikhwān* hidup atau tumbuh di dalam Tanah Melayu ini. Di sebalik itu mudah-mudahan ada anggota *Ikhwān* di Persekutuan Tanah Melayu suka mengadakan pentadbiran di Tanah Melayu supaya kelak ia menjadi satu pertubuhan yang tidak haram pada sisi undang-undang. Kita berharap kepada anggota-anggota *Ikhwān* yang suka memikul pentadbiran di Persekutuan Tanah Melayu itu dapat berhubung dengan pucuk pimpinan *Ikhwān* di Singapura ini. Marilah kita berdoa dalam hari baik bulan baik ini mudah-mudahan memberi kemampuan dan tenaga ilmiyah dan segala-galanya supaya Ikhwān bertambah maju, bertambah digemari dan dapat melaksanakan apa-apa yang dikehendaki dan dicita-citakan olehnya.

Kenyataan kepada Angota-Anggota Ikhwan

Pimpinan *Ikhwān* dari satu ke satu masa berharap mendapat kerjasama dari anggota *Ikhwān. Ikhwān* selalu mengadakan ceramah-ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara-saudara yang di luar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Prof Abdul Kahar Muzakar telah kami siarkan.

Yang kedua- risalah "Kesedaran" telah kami siarkan dan telah mendapat perhatian.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Irsyad Thalib Lubis sudah kami usahakan, juga ucapan Kiyai Nasruddin Latif tentang "Rumahtangga" sedang kami usahakan untuk dibukukan.

Bagi satu-satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota-anggota *Ikhwān* tetapi kami meminta tiap-tiap seorang menghantarkan setem 10 sen untuk belanja mengirimnya- lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwān mendapat faedah dan menfaatnya dengan tidak berbelanja- selain daripada setem.

Pintalah kepada:

IKHWAN
356 & 358, Geylang Rd.,
Singapore- 14.